



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

### LAMAN SENI PUTRAJAYA

Putrajaya – Bengkel yang memberi pengalaman 'hands on' merupakan aktiviti seni yang bakal menjadi tarikan utama Laman Seni Putrajaya pada 31 Oktober dan 1 November di Dataran Putra, Putrajaya.

Laman Seni Putrajaya dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) bertujuan untuk melahirkan masyarakat penyayang, kreatif dan inovatif serta memupuk sikap menghargai kesenian. Dengan pendedahan menerusi Laman Seni, adalah diharapkan penduduk serta warga kerja dapat memperkayakan lagi kualiti hidup melalui kesenian sebagai gaya hidup.

Antara pengisian menarik dalam program kali ini yang bertemakan 'Kanak-kanak Sedunia' adalah demonstrasi serta bengkel kraf seperti menghasilkan rantai kunci iaitu *bake the key chain*, teknik lukisan cat air dan teknik mewarna. Selain daripada persembahan sekolah, pameran hasil seni dan kraftangan serta jualan produk kesenian turut diadakan.

Persembahan hiburan akan turut diadakan pada kedua-dua hari sebagai pengisian program ini. Pada 31 Oktober (Sabtu), artis yang diundang adalah Ali Mamak dan Abon manakala pada 1 November pula, Kumpulan Keroncong yang diketuai oleh Wak Rahim akan menghiburkan pengunjung.

Selain daripada memberi peluang perniagaan kepada pengasas seni tempatan, program Laman Seni Putrajaya juga menyokong seruan untuk merakytakan seni.

---

Selain daripada memberi peluang perniagaan kepada pengasas seni tempatan, program Laman Seni Putrajaya juga menyokong seruan untuk merakyatkan seni.



**ZAHARAH SALAMAT**  
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 29 Oktober 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013